

16/10/2002

Umno Kelantan, Terengganu hormati keputusan PM bersara

KUALA LUMPUR, Isnin - Umno Kelantan menghormati keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara daripada politik dan menerima keputusan beliau tidak bertanding pada pilihan raya umum depan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, dalam satu kenyataan hari ini, berkata Umno Kelantan akur dengan keputusan Dr Mahathir dan tidak timbul isu merumuskan usul meminta beliau menarik balik keputusannya dalam Konvensyen Umno Kelantan 26 Oktober ini.

"Soal ini tidak perlu dibangkitkan langsung kerana agenda utama konvensyen berkenaan ialah membincangkan persediaan Umno Kelantan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Pendirian Perdana Menteri dalam hal ini cukup jelas kerana beliau sudah beberapa kali mengulangi hasratnya bersara.

"Kenyataan terbaru mengenai isu terbabit ialah pada Sabtu 12 Oktober lalu dalam temu ramah dengan CNN dan pada sidang akhbar sempena sambutan ulang tahun pertama Taman Paya Indah Wetlands di Putrajaya semalam," katanya.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir berkata, keputusannya tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang adalah muktamad dan tidak akan berganjak lagi.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah lama menjadi wakil rakyat dan menteri dalam Kabinet selain menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri serta Perdana Menteri.

Mustapa mengulas kenyataan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah Sabtu lalu, Perdana Menteri boleh menarik balik hasrat bersara dan mungkin bertanding pada pilihan raya umum akan datang berikutan desakan pelbagai pihak.

Sebelum ini, difahamkan Konvensyen Umno Kelantan pada 26 Oktober ini dijangka merumuskan usul mendesak Dr Mahathir bertanding semula.

Pada temu bual eksklusif dengan CNN menerusi program CNN-Talk Asia pula, Dr Mahathir berkata, beliau tidak akan kembali memegang jawatan politik atau jawatan kerajaan yang disandangnya selepas meletak jawatan hujung tahun depan kerana tidak mahu campur tangan

Di KUALA TERENGGANU, Umno Terengganu meminta semua pihak menghormati keputusan Dr Mahathir untuk bersara daripada politik dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh, berkata ia tidak perlu diperdebatkan kerana semua pemimpin Barisan Nasional (BN) dan Majlis Tertinggi (MT) Umno menerima keputusan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri sendiri berulang kali dengan tegas menyatakan hasratnya untuk bersara, termasuk kepada media antarabangsa, Jadi kenapa kita perlu timbulkan kembali isu ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Idris berkata, semua pihak perlu memberi tumpuan kepada agenda pembangunan untuk memastikan ilham dan cita-cita Dr Mahathir, termasuk Wawasan 2020 tercapai.

Sebagai menghormati keputusan yang dibuat pucuk pimpinan, pemimpin dan ahli Umno sepatutnya berhenti bercakap mengenai isu persaraan kerana ia sudah pun selesai dan tidak perlu diungkit lagi.